

Kerjasama Mahathir tidak bantu tambah nilai kekuatan PN

ARAU: Kesediaan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin menyambut kerjasama dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat tidak memberi sebarang tambahan nilai atau membantu menguatkan gabungan berkenaan.

Hal demikian kerana, PN ketika ini sudah kuat khususnya di kawasan-kawasan majoriti Melayu sedangkan pengaruh Dr. Mahathir dilihat semakin pudar berbanding pada 2018 lalu selain parti yang diketuainya iaitu Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) juga tewas semua kerusi termasuk calonnya hilang wang deposit.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pemerhati politik yang juga pensyarah Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia

Perlis (Unimap), Muhammad Izmer Yusof berkata, PN antara Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dan Pas pada masa ini sudah cukup kukuh serta menjadi wadah orang Melayu.

Bagaimanapun katanya, jika kerjasama itu semata-mata untuk kepentingan Melayu Islam tidak menjadi masalah, namun bagi mendapatkan kerusi bagi bertanding di dalam pilihan raya ia bukan satu pilihan yang baik.

“Era dan pengaruh Dr. Mahathir dilihat sudah digunakan secara maksimum pada 2018 dan sekarang saya tidak lihat ia masih berkesan.

“PRU15 menyaksikan Pejuang kalah teruk, malah Dr. Mahathir sendiri kalah di kubu kuatnya (Langkawi). Kalau masih ada sedikit pengaruh sudah pastinya menang di beberapa kerusi di Kedah khususnya Langkawi,” katanya.